

02/07/2001

Melayu wajar ambil iktibar supaya tidak mudah lupa

Shamshawal Azraai Ahmad

MELAYU mudah lupa, begitulah tema ucapan perasmian dan puisi penutupan Presiden Umno pada Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini.

Mesej yang dibawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno merangkap Perdana Menteri ialah bangsa Melayu boleh berdiri sama tinggi dengan bangsa lain yang maju di dunia ini jika sanggup berusaha.

Jika bangsa lain boleh buat (mahir dalam apa jua bidang), Melayu juga boleh cemerlang jika tekun berusaha. Usaha berterusan dan sikap ingin terus maju walaupun pernah jatuh adalah elemen penting untuk menjadi bangsa cemerlang dan maju.

Untuk menjadi bangsa Melayu yang cemerlang adalah jihad bagi ahli Umno selaku pelopor perjuangan kecemerlangan bangsa. Sebenarnya kecemerlangan ini adalah jihad pada abad ke-21.

Kenapa saya berkata demikian? Melayu lebih dikenali sebagai satu bangsa yang sinonim dengan Islam. Sudah sedia termaktub dalam perlembagaan, iaitu Melayu ialah orang Islam.

Umat Islam pernah maju suatu ketika dahulu sepertimana kota Baghdad yang terkenal dengan kecemerlangan ilmu. Untuk menjadikan orang Melayu yang juga orang Islam maju serta mengulangi kecemerlangan Islam pada zaman Abbassiyyah adalah tidak mustahil. Semuanya terletak di atas kehendak bangsa Melayu sendiri.

Dr Mahathir sebenarnya menggesa umat Melayu menjadi pemimpin contoh kepada umat Islam dan bukan Islam di seluruh dunia. Umat Islam sebenarnya sudah lama ditindas dalam pelbagai segi, terutama dalam konteks kecemerlangan ilmu pengetahuan duniawi dan ukhrawi.

Kota Baghdad dulu dikunjungi bukan sahaja orang Islam di seluruh dunia, bahkan orang bukan Islam yang ingin menuntut ilmu, bukan ilmu Islam sendiri, bahkan ilmu pengetahuan lain, menyedari ilmu pengetahuan adalah kuasa.

Untuk memastikan survival Melayu berterusan dan pada masa sama mendaki ke puncak kecemerlangan bangsa pada zaman serba mencabar ini, sebenarnya adalah cabaran utama pejuang Umno dan bangsa Melayu.

Sama ada seseorang itu adalah ahli, penyokong atau lawan Umno, pekerja sektor awam atau swasta, cendekiawan, penuntut Melayu di IPT, pelajar lelaki di sekolah, ahli perniagaan dan keseluruhan bangsa Melayu amnya, bukannya mudah mencapai martabat kecemerlangan bangsa pada abad ke-21.

Kecemerlangan bangsa bukannya satu perkara mudah untuk dicapai. Ia memerlukan pengorbanan bukan sahaja dalam bentuk kewangan, bahkan memerlukan masa agak lama untuk melahirkan bangsa yang betul-betul maju.

Selain itu, perancangan strategik oleh kerajaan dalam melahirkan kemajuan bangsa memainkan peranan penting dalam membentuk kecemerlangan bangsa.

Namun, perkara paling penting ialah komitmen keseluruhan bangsa itu sendiri dan bukannya dipertanggungjawabkan kepada pihak tertentu di dalam memartabatkan kecemerlangan bangsa. Pada masa sama, kestabilan politik penting dalam memartabatkan kecemerlangan bangsa.

Jadi mengapakah ucapan Presiden Umno kali ini bertemakan 'Melayu Masih Lupa' amat penting bagi masa depan umat Melayu di Malaysia?

Sepertimana kita sedia maklum, keputusan pilihan raya umum 1999 memperlihatkan pertambahan sokongan Melayu kepada Pas, di mana Terengganu yang majoritinya pengundi Melayu seperti Kelantan jatuh ke tangan Pas.

Oleh itu, tidak mustahil bagi Pas sekurang-kurangnya menawan Perlis,

Kedah, Pahang dan Selangor pada pilihan raya umum 2004. Pas sudah nampak hampir pasti menawan Kedah pada pilihan raya 2004 kerana ahli Parlimen Pas dari Kedah sekarang melebihi ahli Parlimen Umno Kedah, manakala mereka juga berjaya menidakkan dua pertiga majoriti di Kedah selepas berjaya menawan Lunas baru-baru ini.

Pertambahan sokongan Melayu kepada Pas diberi perhatian serius oleh Dr Mahathir. Beliau bimbang masa depan Melayu sekiranya Pas memerintah negara ini nanti.

Bertunjangkan kecintaannya kepada masa depan bangsa Melayu, beliau menggariskan beberapa cabaran kepada Pas dalam ucapannya dan paling penting ialah beliau mencabar Pas supaya merangka ciri-ciri kerajaannya secara bertulis sekiranya berjaya memerintah negara nanti.

Kenapa sampai begitu sekali Dr Mahathir mencabar Pas di dalam ucapannya kali ini?

Pertama, Muktamar Agung Pas baru-baru ini mensasarkan hala tuju untuk menawan Malaysia pada 2004. Hala tuju ini diibaratkan sebagai bermatlamat tinggi bagi meningkatkan motivasi ahlinya supaya bekerja keras memperolehi sebanyak mana kemenangan yang mungkin dalam pilihan raya umum itu nanti.

Memang sukar untuk Pas menang besar dalam pilihan raya umum 2004 nanti, namun untuk melebarkan pengaruhnya adalah satu perkara yang hampir pasti berlaku sekiranya ia tidak dihalang dan ditangani secara serius oleh ahli Umno sendiri.

Kedua, keputusan pilihan raya umum 1999 memperlihatkan seolah-olah orang Melayu mempunyai pilihan lain, iaitu Pas, untuk memperjuangkan nasib bangsa Melayu pada masa depan. Pada pandangan saya, pelbagai faktor dilihat sebagai mempengaruhi peralihan sokongan Melayu kepada Pas.

Namun, apa yang pasti ialah faktor utama pengundi Melayu menyokong Pas ialah bukannya mereka yakin dengan perjuangan Pas tetapi faktor penyumbang lain yang menyebabkan Pas menang banyak kerusi pada pilihan raya umum lalu.

Perumpamaan Melayu 'sikit-sikit lama-lama jadi bukit' adalah manifestasi bagaimana faktor penyumbang ketidakpuashatian orang Melayu terhadap Umno ini disalurkan menerusi sokongan kepada Pas menyumbang kepada kemenangan itu.

Isu seperti kes Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketidakpuashatian orang Melayu terhadap isu agama yang berjaya dieksploitasikan oleh Pas selain isu nasional lain, isu tempatan yang tidak berjaya ditangani oleh Umno, sokongan ahli Umno kepada calon pembangkang adalah di antara faktor penyumbang menyebabkan pembangkang terutama Pas berjaya meraih sokongan besar dari kalangan pengundi Melayu.

Ketiga, keyakinan orang Melayu kepada Umno setiap hari semakin berkurangan. Dalam perkataan lain, orang Melayu sudah meluat kepada Umno. Permasalahan politik wang, perebutan jawatan, menggunakan jawatan untuk memperolehi kekayaan serta kurangnya keprihatinan Umno atau wakil rakyatnya terhadap permasalahan tempatan adalah antara sebab mengapa orang Melayu semakin hari semakin kurang sokongannya terhadap Umno.

Keempat ialah kerana sentimen dan emosi. Orang Melayu mudah lupa sejarah. Orang Melayu bila dilimpahi kesenangan ataupun ditimpa kesusahan akan menyebabkan hilang pertimbangan.

Apabila senang mereka lupa jasa dan sumbangan nenek moyang mereka dalam Umno. Bila susah, ini adalah salah kerajaan pimpinan Umno/BN.

Oleh yang demikian, apabila mereka disajikan sentimen yang tidak benar yang seolah-olah nampak benar, akhirnya akan menghasilkan implikasi negatif kepada kerajaan pimpinan Umno.

Ini adalah antara faktor yang dilihat menjerumus kepada apa yang dilihat sebagai kekuatan Pas menjelang pilihan raya umum 2004.

Cabaran Dr Mahathir kepada Pas dalam ucapannya adalah salah satu

usahanya untuk memperlihatkan kepada rakyat 'yang mana intan, yang mana kaca'.

Pada masa sama, ahli Umno hendaklah mempertingkatkan usaha bagi menyekat kemaraan pembangkang, terutama Pas, selain pada masa sama, merapatkan barisan, memperkukuhkan kekuatan dan memantapkan strategi parti.

Usaha hendaklah ditingkatkan oleh ahli Umno bukan sahaja kepada tahap 100 peratus, bahkan lebih daripada itu bagi memastikan kesinambungan kemantapan bangsa Melayu diteruskan oleh Umno.

Sebab itulah 'Melayu Masih Lupa' ini menjadi tema ucapan Dr Mahathir untuk menggerakkan orang Umno terus memperingatkan orang Melayu mengenai kepentingan perjuangan bangsa untuk diteruskan oleh Umno.

'Melayu Masih Lupa' dalam bentuk puisi yang dibacakan oleh Dr Mahathir hendaklah digarap sepenuhnya oleh ahli Umno dan orang Melayu mempertahankan perjuangan bangsa Melayu ini yang baru mengecapi kemerdekaan selama 44 tahun setelah 446 tahun dijajah.

Dalam erti kata konteks pandangan lebih luas, kecemerlangan bangsa Melayu bukan saja penting kini, bahkan kecemerlangan bangsa lain di Malaysia juga penting ke arah merealisasikan bangsa Malaysia yang cemerlang.

Ini boleh dilihat menerusi Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Dr Mahathir dalam usahanya untuk melahirkan bangsa Melayu cemerlang, bahkan bangsa Malaysia yang cemerlang.

Slogan 'Malaysia Boleh' adalah antara manifestasi Wawasan 2020 yang cuba diterap oleh Dr Mahathir, bukan sahaja kepada orang Melayu, bahkan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Menerusi Wawasan 2020 ini, bangsa Melayu hendaklah sentiasa berusaha sepenuh tenaga mereka mencapai kecemerlangan bangsa. Pemimpin Melayu, pegawai kerajaan, ahli akademik dan perniagaan serta ulama Melayu hendaklah berganding bahu berusaha merealisasikan kecemerlangan bangsa ini.

Wawasan 2020 hanya kekal impian dan bukannya kenyataan sekiranya tiada usaha dan komitmen serius oleh orang Melayu sendiri ke arah merealisasikan kecemerlangan bangsa sepertimana yang digariskan dalam Wawasan 2020 ini.

Perlu diingat memerintah negara adalah satu tanggungjawab untuk membela nasib bangsa dan negara sendiri dan bukannya sekadar membalas dendam kepada pemerintah sedia ada dengan memenangi pilihan raya.

Akibatnya rakyat akan sengsara dan kemajuan negara tidak tercapai. Yang pasti hanyalah kepuasan diri menjatuhkan kerajaan sedia ada yang sudah lama menyumbang kepada kecemerlangan rakyat jelata dan kemajuan negara.

Kestabilan politik penting. Saya tidak tahu bagaimana pelbagai parti dalam Barisan Alternatif boleh duduk semeja sedangkan ideologi mereka berbeza. Ia seolah-olah memperlihatkan matlamat utama pembangkang adalah untuk menumbangkan Barisan Nasional semata-mata dan bukannya sebenar-benar alternatif kepada kerajaan Barisan Nasional.

Bangsa Melayu hendaklah membuat pertimbangan sewajarnya dalam menentukan parti mana yang akan dipilih pada pilihan raya umum nanti.

Namun, saya suka mencabar orang Melayu daripada mengutuk Umno dari luar. Marilah bersama-sama memperkukuhkan Umno dengan bersama-sama berjuang membela nasib agama, bangsa dan negara melalui Umno.

Kelancangan kita sebagai orang Melayu memperkatakan keburukan parti Umno yang berjuang memerdekakan tanah air kita sedangkan pada masa sama, kita bukannya ahli Umno adalah satu perkara yang kurang adil.

Untuk memperkukuhkan Umno, bangsa Melayu hendaklah memperkukuhkan Umno dengan menyertai Umno. Kini, untuk menyertai Umno adalah satu perkara mudah dan hanya memerlukan kelulusan dari cawangan Umno sahaja.

Cabaran era globalisasi bukan hanya menuntut kecemerlangan bangsa Melayu semata-mata tetapi kesatuan rakyat keseluruhannya dalam mempertahankan

kecemerlangan negara.

Rakyat Malaysia, khususnya Melayu, hendaklah membuat pertimbangan sewajarnya jika hendak memilih pembangkang pada pilihan raya 2004 nanti kerana 2004 adalah tahun permulaan era globalisasi yang akan bermula pada 2003 hasil Perjanjian Perdagangan Bebas Asia.

Tambahan pula, perubahan kerajaan belum pasti memperlihatkan sama ada Melayu akan menjadi nakhoda bahtera negara. Mungkin Melayu masa itu menjadi boneka kepada tuan lain atau hak keistimewaan Melayu hilang akibat keinginan Melayu merubah kerajaan tanpa membuat pertimbangan sewajarnya.

Kesimpulannya, ucapan Dr Mahathir dalam Perhimpunan Agung Umno 2001 adalah luahan beliau mengenai cabaran bangsa Melayu pada abad ke-21 ini dan pada masa sama, diselitkan sejarah jatuh bangun bangsa Melayu.